

DBKL tingkat usaha banteras peniaga tak sah, struktur haram

Tindakan penguatkuasaan terus dipergiat basmi masalah babit warga asing

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mempergiatkan usaha membanteras masalah yang di-cetuskan oleh peniaga tidak sah di sekitar ibu kota ini termasuk membabitkan warga asing serta struktur binaan haram.

Isu itu adalah antara aspek kelestarian, kebersihan dan masalah yang akan diberi perhatian oleh DBKL pada tahun ini dan dibincangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Selasa lalu.

Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Andre Lai Chen Heng, berkata sebelum ini banyak aduan diterima daripada rakyat berhubung masalah semasa di sekitar ibu kota, namun menyifatkan tindakan yang diambil kurang memuaskan.

Beliau berkata, berikutan itu Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Shariff, mahu dan menggalakkan setiap Ahli Lembaga Penasihat DBKL turut serta dalam apa juga tindakan operasi pe-

nguatkuasaan yang dijalankan DBKL.

"Selain itu, Datuk Bandar juga komited dalam memastikan setiap pandangan Ahli Lembaga Penasihat DBKL didengar, selain diterjemahkan dalam bentuk tindakan oleh seluruh warga kerjanya.

"(Menerusi mesyuarat baru-baru ini), kita membuat ketetapan untuk menambah baik perkhidmatan kepada rakyat, antaranya dengan menaik taraf prosedur operasi standard (SOP) supaya DBKL lebih responsif terhadap aduan penduduk.

"Sebelum ini kita ada sistem pengaduan awam seperti AduKL, namun ketika aduan dibuat, kerja (penyelenggaraan dan penguatkuasaan) tidak dibuat," katanya kepada BH, semalam.

Mesyuarat Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur yang pertama tahun ini berlangsung di Menara Penguatkuasa DBKL di sini, Selasa lalu.

Tingkat operasi

Andre berkata, Datuk Bandar mahu tindakan penguatkuasaan yang dibuat sebelum ini terus dipergiatkan bagi membasmi masalah membabitkan warga asing, struktur binaan haram dan peniaga yang berniaga secara tidak sah.

Selain berfungsi sebagai pe-

nasihat, katanya, Ahli Lembaga Penasihat juga diberi mandat untuk mengetahui sesetengah jawatankuasa termasuk terbabit dalam aktiviti penguatkuasaan yang dibuat.

"Ini bermaksud kita terbabit dalam aktiviti penguatkuasaan seperti merobohkan struktur haram, menyita gerai yang tidak berlesen seperti yang dilaksanakan di Petaling Street,

baru-baru ini. Saya sendiri turun padang untuk membuat tinjauan.

"Mungkin sesetengah pihak tidak suka kerana ia seolah-olah kita memantau tindakan mereka, namun ini adalah langkah yang baik," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Ahli Lembaga Penasihat

DBKL mempunyai mandat dan akan komited dalam menggalas tanggungjawab yang diberikan.

"Ini supaya kita dapat memberi nasihat yang tepat dan dapat diterima oleh Datuk Bandar dan semuanya diterjemahkan dalam bentuk tindakan," katanya.

Beliau yang juga Ketua Cabang PKR Wangsa Maju, berkata ada juga beberapa perkara yang dibincang termasuk langkah untuk mengurangkan masalah penjaja tanpa lesen serta gerai tanpa permit serta aktiviti menaik taraf kawasan tumpuan pelancong di ibu kota.



Andre Lai Chen Heng